



**SIARAN AKHBAR**  
**GLOBAL MONEY WEEK 2016**  
**LAWATAN KE INSURANS ISLAM TAIB**  
**Isnin, 5 Jamadilakhir 1437 bersamaan dengan 14 Mac 2016 sehingga**  
**Selasa, 6 Jamadilakhir 1437 bersamaan dengan 15 Mac 2016**

---

1. Insurans Islam TAIB telah menerima rombongan lawatan daripada penuntut-penuntut sekolah rendah pada hari ini, Isnin, 14 Mac 2016 dan hari Selasa, 15 Mac 2016.
2. Lawatan ini dianjurkan oleh Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) dengan kerjasama Jabatan Perkembangan Kurikulum di Kementerian Pendidikan untuk Global Money Week 2016 dan bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan penuntut tentang operasi syarikat insurans atau takaful dan seterusnya, meningkatkan lagi pengetahuan mereka tentang sistem kewangan di Negara Brunei Darussalam secara menyeluruh.
3. Pada hari Isnin, seramai 30 orang penuntut dari Sekolah Menengah Chung Hwa, Sekolah Rendah Beribi dan Sekolah Rendah Muda Hashim telah melawat pejabat Insurans Islam TAIB di Bandar Seri Begawan manakala, 30 lagi penuntut dari Sekolah Rendah Raja Isteri Fatimah, Sekolah Rendah Ahmad Tajuddin dan Tinkerbell Learning School telah membuat lawatan daripada pada hari Selasa.
4. Di Insurans Islam TAIB, para penuntut telah menerima taklimat ringkas mengenai dengan latar belakang insurans/ takaful, aktiviti harian Insurans Islam TAIB dan seterusnya, melawat premis pejabat Insurans Islam TAIB. Selain daripada itu, kuiz dan permainan interaktif yang bertemakan pengurusan wang juga turut diadakan
5. Sementara itu, seramai 160 lagi penuntut telah membuat lawatan ke Baiduri Bank, BIBD dan Galeri Matawang, AMBD semasa acara Global Money Week ini diadakan.
6. Global Money Week (GMW) adalah satu acara bagi meningkatkan kesedaran mengenai kewangan yang disambut setiap tahun dan dianjurkan oleh pihak Child & Youth Finance International (CYFI). Negara Brunei Darussalam telah menyertai acara ini sejak dua tahun yang lalu, diketuai oleh pihak Kementerian Pendidikan dan Tabung Amanah Pekerja (TAP).

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Tarikh: 6 Jamadilakhir 1437 / 15 Mac 2016

Rujukan: AMBD/COMMS/2016/3